

# SOLUSI

*Panduan  
Hidup  
Bersyariat*



*½ Abad*

**Si Tua Yang  
Tiada Pilihan**

**MOTIVASI  
FARDU AIN 116**

2018 • PP 15048/05/2013 (032162)



## MEREKA SEMUA ANAK KITA

Siapa yang mampu menentukan dari rahim mana kita mahu dilahirkan? Dari jalan haram ataupun halal? Siapa pula yang mampu menentukan nasib dan bala yang bakal terjadi dalam hidup seseorang kita?

*Sirah Nabi*

**Quraissy Debat  
Quran Jawab**

**30**  
FAKTA  
ANGKA  
FIQAH



*Kiasan*  
**DR. MOHD SUKKI  
OTHMAN  
UMPAMA GOLONGAN  
RUWAIBIDHAH**



*Khalifah*  
**LUKMAN AL-HAKIM  
5 TIP MUDAH  
MENDENGAR  
DENGAN HATI**



RM10.00 (SEV)  
RM12.00 (S/S)  
SGD7.50  
USD10.00  
EUR8.00  
IDR35,000.00  
AUD7.50



## ZIKIR FIKIR

Yang Tulus & Lurus



### Azrul Azlan

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru. Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

# Tiada Beza Taraf Anak Tidak Sah Taraf

**B**ermula dengan anak zina, kemudian anak luar nikah dan kini anak tidak sah taraf merupakan satu gambaran dan persepsi terhadap anak yang dilahirkan hasil perkongsian antara seorang lelaki dengan wanita tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Walaupun begitu, perkataan ‘tidak’ pada istilah ‘anak tidak sah taraf’ yang digunakan sebenarnya masih memberikan konotasi yang negatif walaupun penggunaannya dilihat cuba untuk mengubah persepsi masyarakat ke arah yang lebih positif.

### DIHUKUM TANPA KESALAHAN

Anak tidak sah taraf tidak sepatutnya dihukum kerana kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua ibu bapa mereka. Tidak adil untuk menghukum anak-anak yang terpaksa menanggung kesilapan orang lain. Firman Allah yang bermaksud,

“Setiap perbuatan dosa seseorang, dirinya sendiri yang bertanggungjawab. Dan seseorang **tidak akan memikul beban dosa orang lain**. Kemudian kepada Tuhanmulah tempat kamu kembali, lalu Dia menerangkan kepada kamu perkara yang dahulu kamu perselisihkan.” (*Surah al-An’am* 6: 164)

Rasulullah juga berbicara tentang cara berinteraksi dengan anak tidak sah taraf. Sabda Baginda, “Anak tidak sah taraf **tidak menanggung dosa kedua-dua ibu bapanya** dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).” (Riwayat al-Hakim)

### REALITI YANG MENYAKITI

Realiti masyarakat hari ini, anak tidak sah taraf dilihat dengan pandangan hina. Ironinya ada yang mengatakan tidak sah solat orang yang berimamkan anak tidak sah taraf.

Hakikatnya, kelayakan seorang imam adalah berdasarkan bacaan dan ilmu tentang solat yang baik, bukannya berdasarkan keturunan.

Sedarkah kita bahawa setiap orang yang melakukan amalan kebaikan (termasuklah anak tidak sah taraf) akan diberikan ganjaran berdasarkan amalan kebaikan yang mereka lakukan. Setiap ayat al-Quran yang memuji orang Islam dan Mukmin, anak tidak sah taraf juga termasuk dalam kategori ini sekiranya mereka beriman dan beramal soleh. Oleh itu, tidak ada bezanya antara anak sah taraf dengan anak tidak sah taraf dari sudut hukum dunia dan akhirat.

Anak tidak sah taraf juga mempunyai hak untuk masuk syurga. Perkara yang membezakan antara kita hanyalah takwa.

### ISLAM SENTIASA ADIL

Anak tidak sah taraf sepatutnya terlepas daripada tohmahan kerana perbuatan zina tersebut dilakukan oleh ibu bapa mereka. Firman Allah yang bermaksud,



Ironinya ada yang mengatakan tidak sah solat orang yang berimamkan anak tidak sah taraf. Hakikatnya, kelayakan seorang imam adalah berdasarkan bacaan dan ilmu tentang solat yang baik, bukannya berdasarkan keturunan.

“Dan manusia hanya memperoleh apa-apa yang diusahakannya.” (*Surah al-Najm* 53: 39) Mengikut kaedah syarak, seseorang tidak menanggung dosa yang dilakukan oleh orang lain dan tidak akan dihukum kerana dosa orang lain.

Antara kesempurnaan keadilan Allah ialah kasih sayang dan belas kasihan terhadap hamba-hamba-Nya. Dia tidak mengazab, mencela, menzalimi dan menjatuhkan kesalahan kepada anak tidak sah taraf. Firman Allah yang bermaksud, “Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada sesiapa pun.” (*Surah al-Kahf* 18: 49)

Manakala dakwaan yang mengatakan anak tidak sah taraf tidak akan masuk syurga dan merupakan ahli neraka tidak berasas sama sekali. Hal ini kerana hadis-hadis yang berbicara tentang ‘hukuman tidak adil’ ini tidak sahih bahkan bertentangan dengan firman Allah yang menjelaskan bahawa seseorang itu tidak menanggung dosa orang lain.

## ReSOLUSI

### Peranan Masyarakat

- 1 Bergaul secara adil dengan anak tidak sah taraf sama seperti pergaulan dengan orang lain.
- 2 Tidak menghukum hanya kerana kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka.
- 3 Tidak mengungkit kisah sejarah mereka yang lalu.
- 4 Membantu apabila mereka berada dalam kesusahan tanpa memandang secara sinis dan tidak menganggap kesusahan itu akibat yang perlu ditanggung oleh anak tidak sah taraf. Nabi s.a.w. bersabda, “Bantulah saudaramu yang zalim dan dizalimi.” (Riwayat al-Bukhari)
- 5 Tidak memerli dan menghina mereka. Allah memerintahkan

agar tidak berkasar dengan anak yatim kerana mereka daripada golongan yang lemah. Jika anak yatim perlu dijaga dan dihormati, apatah lagi anak tidak sah taraf yang sering dipandang keji dan hina.

- 6 Menanggung keperluan, menjaga dan mendidik mereka juga merupakan salah satu amalan kebaikan yang besar dan mulia.

### Pesanan Buat Anak Tidak Sah Taraf

- 1 Sentiasa bersangka baik dengan Allah kerana ujian tohmahan dan kejian boleh jadi merupakan salah satu cara Allah ingin mengangkat martabat.
- 2 Bertawakal kepada Allah serta yakin dengan kemampuan diri sendiri.
- 3 Membuang perasaan malu dan rasa kekurangan diri apabila berada dalam masyarakat.
- 4 Keluar dari zon kesedihan dan kemurungan serta mencari ketenangan dan kebahagiaan. Jangan biarkan zon negatif menguasai diri.
- 5 Banyakkan bersabar dan reda dengan ketentuan Allah kerana ini merupakan amalan yang akan memasukkan ke dalam syurga. Banyakkan membaca dan menghayati doa Nabi Ibrahim ini:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Maksud: “Cukuplah Allah bagi kami, Dialah sebaik-baik tempat diserahkan urusan.” (Riwayat al-Bukhari)

- 6 Jadikan ujian ini sebagai pemangkin kejayaan di dunia dan akhirat. Buktikan bahawa semua orang berhak memiliki kejayaan walau apa-apa jua gelaran dunia yang diberikan.

- 7 Memainkan peranan untuk turut memberikan motivasi kepada anak tidak sah taraf yang lain.

- 8 Melazimi ibadah dan *tadabbur* al-Quran. Melalui bacaan, pemahaman dan penghayatan terhadap al-Quran, kita akan memperoleh kekuatan untuk berhadapan dengan segala tohmahan. Ingatlah, salah satu cara untuk mendapatkan hidayah adalah melalui *tadabbur* al-Quran.

- 9 Doa senjata orang Mukmin. Perbanyakkan berdoa dan memohon agar Allah terus memberikan hidayah kepada kita.

## DOA

### Ketika Ditimpa Musibah

Imam al-Nawawi dalam kitabnya; *al-Azkar* mencadangkan kita membaca:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Maksud:

“Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Tiada daya upaya dan kekuatan selain milik Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.”

## 14 30 Fakta Angka Fiqah

### 3 RUKUN MANDI WAJIB

- 1 Niat.
- 2 Menghilangkan najis yang terdapat pada badan.
- 3 Mengalirkan air ke seluruh rambut dan kulit badan.